

RANGKUL GELARAN OLAHRAGAWAN

2016

ABDUL LATIF BUKTIKAN KEMAMPUAN



memanfaatkan peluang untuk mengetahui perjalanan kariernya sebagai atlet.

Tahniah diucapkan. Adakah anda bersedia anugerah ini?

Alhamdulillah atas anugerah yang diberikan. Secara jujur saya agak terkejut memandangkan lima calon lain iaitu Datuk Lee Chong Wei (Badminton), Azizulhasni Awang (Berbasikal), Muhammad Rafiq Ismail (Tenpin Bowling), Mohd Syarul Azman Mahan Abdullah (Bina Badan) dan pemenang tahun lalu Mohd Al Jufri Jamari turut tersejarah. Mungkin ini rezeki saya selepas berusaha bersungguh-sungguh.

Maksud di sebalik pengiktirafan

Saya berasa bangga dengan kemenangan ini kerana merupakan kali pertama atlet Paralimpik menang anugerah olahragawan. Terima kasih kepada semua yang membentuk saya untuk menjadi sebagai seorang atlet. Pengiktirafan ini secara tidak langsung membakar semangat saya untuk terus melakar kejayaan dan menaikkan nama negara di pentas antarabangsa.

Harga setangan

Kejayaan melakar tiga rekod dunia sebelum meraih emas di Rio dalam acara lompat jauh T20 dan anugerah diraih tidak akan tercapai tanpa sokongan orang di sekelilingnya termasuk keluarga, jurulatih, Majlis Sukan Negara dan Institut Sukan Negara.

Sejak diperkenalkan 1966, Anugerah Sukan Negara (ASN) belum pernah menobatkan atlet paralimpik sebagai Olahragawan, namun 26 April 2017 merupakan hari bersejarah buat pemenang pingat Emas Sukan Paralimpik Rio 2016, Abdul Latif Romly.

Latif yang memenangi pingat emas acara lompat jauh T20 (masalah pembelajaran) di Rio de Janeiro, Brazil memecah tradisi apabila muncul atlet berstatus orang kurang upaya (OKU) pertama dipilih sebagai Olahragawan 2016.

Kemenangannya dilihat berdasarkan kepada pencapaian yang menadatkan rekod dunia 7.35 meter sebanyak tiga kali dalam laluan untuk meraih pingat emas Paralimpik 2016. Latif melakukan

**PENGIKTIRAFAN
INI SECARA TIDAK
LANGSUNG MEMBAKAR
SEMANGAT SAYA
UNTUK TERUS
MELAKAR KEJAYAAN
DAN MENAIKKAN NAMA
NEGARA DI PENTAS
ANTARABANGSA.**

lompatan 7.47m pada percubaan pertama, diikuti 7.54m sebelum melengkapkan kejayaannya dengan jarak 7.60m.

Sinar Maskulin yang berkesempatan menemu bual atlet berusia 20 tahun dari Perlis ini selepas majlis ASN



PROFIL RINGKAS

Nama penuh :

Abdul Latif Romly

Tarikh lahir : 31 Mac 1997

Umur : 20 Tahun

Tempat lahir : Perlis

Kejayaan :

• Emas lompat jauh T20 Sukan Paralimpik Rio 2016

• Anugerah Olahragawan 2016

• Kejohanan Dunia IPC 2015

Daba (Emas)

• Sukan Para Asia Singapura 2015 (Emas)

• Sukan Para Asia Incheon 2014 (Emas)